

KEM ROBOTIK (MICROBIT)

Written by Administrator @ SMKDABB

Friday, 13 April 2018 02:54 - Last Updated Wednesday, 18 April 2018 14:43

"Robotik Menjana Minda Positif"

12 April 2018 telah diadakan Kem Robotik (Microbit) dengan kerjasama syarikat Elvira System Sdn. Bhd bertempat di makmal Al-Zarqali 2. Seramai 30 orang pelajar DLP telah melibatkan diri sebagai peserta kem ini. Kem Robotik merupakan satu kaedah yang digunakan untuk mengasah bakat dan minat murid dalam membentuk pemikiran murid ke arah kreatif dan berinovatif.



Penglibatan murid dalam bidang ini akan dapat merealisasikan hasrat yang terkandung dalam

KEM ROBOTIK (MICROBIT)

Written by Administrator @ SMKDABB

Friday, 13 April 2018 02:54 - Last Updated Wednesday, 18 April 2018 14:43

Falsafah Pendidikan Negara iaitu melahirkan insan yang seimbang dari aspek rohani, emosi, intelektual dan fizikal serta sahsiah. Latihan dan pendedahan murid ke arah program inovatif, pendedahan STEM dan menjadi pemangkin kepada melahirkan modal insan kelas pertama.

